



Seri Paduka, PM lakukan tinjauan di Bukit Bintang

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim semalam meluangkan masa melakukan tinjauan mesra bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sekitar Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Menerusi hantaran di Facebook, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar memaklumkan sesi tinjauan mesra itu berlangsung selepas Seri Paduka menerima menghadap Perdana Menteri untuk mesyuarat mingguan. Hantaran itu turut berkongsi beberapa keping gambar Sultan Ibrahim dan Anwar berjalan kaki menyusuri Bukit Bintang.

(Foto FB Anwar Ibrahim)